

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	14 May 2015

**LAUNCH OF THE
MALAYSIAN SOCIAL ENTERPRISE BLUEPRINT**

OFFICIATED BY
YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SRI
MOHAMMAD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
PRIME MINISTER OF MALAYSIA

13th 2015



Najib dan Mohd Irwan (lima dari kanan) bergambar dengan peserta Pelan Pembangunan Keusahawanan Malaysia di Cyberjaya, semalam.
(FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH)

BH-14/5/2015

Kerajaan sasar lahir 1,000 usahawan sosial

Cyberjaya: Kerajaan mensasarkan untuk melahirkan 1,000 usahawan sosial dalam tempoh tiga tahun selaras pelancaran Pelan Pembangunan Keusahawanan Sosial Malaysia yang dilancarkan semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata buat masa ini, 100 usahawan sosial sudah dilahirkan, manakala 100 lagi disasarkan menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, pelan induk berkenaan antara lain memberi fokus kepada mempercepat pembangunan sektor perusahaan sosial di Malaysia, mengenal pasti pembangunan utama membabitkan perusahaan sosial, usahawan sosial dan ekosistem sosial itu sendiri serta ekosistem yang menyokong dan mempengaruhi perubahan sistematik dalam masyarakat.

Perubahan sistematik
"Pelan sama juga memberi fokus untuk menyediakan perubahan sistematik bagi membolehkan badan kawal selia, cukai dan badan pentadbiran membantu memastikan sektor perusahaan sosial kekal kukuh dan konsisten dalam tempoh jangka masa panjang," katanya ketika melancarkan pelan berkenaan.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah yang juga Pengerusi Pusat Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia (MaGIC); Ketua Pegawai Eksekutif, MaGIC, Cheryl Yeoh dan Pengarah Eksekutif MaGIC, Ehon Chan.

Najib berkata, kerajaan memperuntukkan RM20 juta bagi membangunkan unit keusahawanan sosial yang dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Keusahawanan Sosial MaGIC (MaGIC SE)

"MaGIC SE berperanan menjalinkan usaha sama antara pelbagai sektor melalui perkongsian sumber dan menggalakkan pertumbuhan keusahawanan sosial di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pelan berkenaan turut memperkasakan sektor perusahaan sosial Malaysia supaya lebih mapan, saksama dan mesra rakyat.

"Kini, perusahaan sosial dianggap sebagai pemacu penting bagi menjamin pertumbuhan dan kestabilan ekonomi di seluruh dunia," katanya.